

APLIKASI SYARIAH DALAM PENTADBIRAN

***Zulkarnain Yusuf**

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang, 26400 Bandar jengka, PAHANG.

ABSTRAK

Tanggungjawab manusia sebagai khalifah ialah untuk melaksanakan pemerintahan di bumi ini. Ini bermakna tugas tersebut berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran manusia dan alam ini. Dengan lain-lain perkataan peranan manusia ialah mendaulatkan agama dan menjalankan pentadbiran atau pemerintahan. Seperti yang ditegaskan di dalam al-Quran bahawa manusia sahaja yang sanggup memikul tanggungjawab ini apabila dibentangkan oleh Allah kepada semua makhluk di langit dan di bumi. Makhluk-makhluk yang lain dengan jelas menyatakan bahawa mereka tidak sanggup untuk menerima amanah tersebut. Persoalannya timbul apabila manusia gagal melaksanakannya walaupun mereka sanggup. Amat mendukacitakan lagi apabila manusia sendiri yang tidak mahu melaksanakan amanah itu dengan berbagai alasan seolah-olah ia melanggar fitrah kejadiannya atau penciptaannya dan secara langsung bercanggah dengan peranan asalnya sebagai khalifah.

PENDAHULUAN

Satu perkara yang selalu diperkatakan mengenai kedatangan Islam dan penyebarannya ialah tentang syariatnya. Bagi menjawab persoalan ini semestinya kita merujuk kepada al-Quran dan al-Hadith serta pandangan

dan pendapat para ulamak Islam yang muktabar. Setengah undang-undang atau peraturan yang wajib dilakukan oleh orang Islam yang terkandung dalam al-Quran tidak dapat ditunaikan selagi umat tidak mempunyai sebuah negara yang menjadikan al-Quran dan Hadith sebagai sumber perundangannya. Hukum Qisas dan Hukum Hudud seperti potong tangan bagi pencuri tidak dapat dilaksanakan oleh orang perseorangan dalam sesebuah masyarakat melainkan oleh pemerintah atau kerajaan.

Amaran al-Quran adalah jelas kepada insan yang tidak melaksanakan peraturan Allah dengan mengkategorikan mereka sebagai golongan ingkar terhadap perintahNya.¹ Sememangnya generasi umat Islam sekarang ini tidak begitu arif dan tahu mengenai perundangan Islam yang telah hilang kesan kewujudannya sejak beberapa dekad silam. Anggapan mereka ialah seolah-olah perundangan dan pemerintahan atau pentadbiran itu bukan tuntutan agama. Apa yang tersirat difikiran mereka mengenai Islam ialah cuma dalam perkara hubungan makhluk dengan penciptanya sahaja dan tidak termasuk hubungan sesama manusia.

TUNTUTAN MEMBANGUNKAN AGAMA DAN NEGARA

Allah S.W.T telah mengingatkan manusia bahawa mereka tidak dianggap beriman sehingga mereka memilih dan seterusnya melantik di kalangan mereka pemimpin². Dalam erti kata yang lain, kita dituntut untuk mendirikan sebuah negara untuk menjalankan syariat yang difardukan. Rasullullah S.A.W ada menyebutkan hal ini dalam sebuah hadithnya yang bermaksud:-

“Sesiapa yang mati tanpa memberikan baiah kepada pemerintahan Islam, maka ia mati seperti matinya orang-orang jahiliah.”³

Imam Ahmad bin Hanbal ada menyebutkan dalam musnadnya sepotong Hadith Nabi S.A.W yang bermaksud:-

“Akan terurai ikatan Islam (syiar) satu persatu, ikatan pertama sekali terurai ialah kehilangan pelaksana Hukum Islam dan yang paling akhir ialah sembahyang.”⁴

Rasulullah S.A.W telah menunjukkan contoh atau ikutan yang menjadi bukti utama terhadap kewajipan menjalankan syariat ini. Sebaik sahaja baginda tiba di Madinah, baginda S.A.W terus mendirikan sebuah kerajaan dan mengadakan perjanjian persefahaman dengan kumpulan Muhajirin dan Ansar serta di antara orang Islam dan Yahudi. Baginda juga terus menghantar utusan dan diplomat ke negara-negara jiran dalam konteks hubungan antarabangsa. Dalam masa yang sama Rasulullah S.A.W juga menerima diplomat-diplomat asing yang merupakan duta atau utusan dari negara-negara luar.

Satu peristiwa yang berlaku sebaik sahaja Rasulullah S.A.W. wafat membuktikan kepada kita betapa pentingnya bagi umat Islam membentuk sebuah kerajaan. Sebaik sahaja masyarakat Islam di Madinah menerima berita kewafatan Nabi Muhammad S.A.W mereka terus sahaja berkumpul di suatu tempat yang bernama Saqifah Bani Sa'dah untuk memilih khalifah yang baru sedangkan pada masa itu jenazah Rasulullah S.A.W belum lagi disemadikan⁵. Peristiwa ini disaksikan oleh semua para sahabat Nabi S.A.W dan tidak ada siapa pun yang mempersoalkan peristiwa ini. Ini menunjukkan ianya tidak bertentangan dengan syariat Islam.

Kewajipan umat Islam mendirikan sebuah negara yang memerintah dengan menggunakan Hukum Islam adalah wajib dan ini telah dinyatakan dengan jelas oleh para ulama. Sebagai contohnya Ibnu Hazim al Zahiri dalam satu tulisannya menyatakan bahawa semua ahli al-Sunnah, Murjiah, Syiah dan Khawarij bersependapat mengenai kewajipan mendirikan sebuah negara dan wajib melantik pemerintah yang adil untuk melaksanakan

Hukum Islam sebagaimana yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W.⁶

Seterusnya Ibnu Khaldun pula menegaskan bahawa melantik pemimpin atau pemerintah adalah wajib sebagaimana yang disepakati oleh para ulama dan hukum itu kekal sepanjang zaman⁷. Kewajipan ini termasuk juga dalam konteks masyarakat kecil, kampung atau masyarakat besar seperti negeri dan negara. Kesimpulannya, majoriti ulamak atau jumur ulamak mengatakan bahawa mendirikan sebuah negara Islam adalah wajib, bahkan tidak terdapat seorang ulamak pun yang mempersoalkan perkara ini.

Persoalan sekarang ialah kita dapati bahawa umat Islam telah dipesongkan atau dilalaikan oleh perancangan barat yang dilancarkan sejak zaman penjajah. Ia bermula dengan peperangan salib, serangan pemikiran dan perundangan semata-mata untuk menghancurkan kemuliaan dan kedaulatan Islam. Kesannya yang besar ialah apabila kefahaman ini berjaya dilenyapkan dari pemikiran umat Islam. Umat Islam telah berjaya dipisahkan dari Islam terutama dalam menjalani kehidupan seharian mereka. Hasilnya terbentuklah satu pandangan yang kabur tentang ajaran Islam sehingga lahir generasi yang berpandangan sempit mengenai Islam. Hingga kini kita saksikan kebanyakan umat Islam menganggap Islam itu agama ibadat semata-mata yang tertumpu hanya kepada sembahyang, puasa, zakat, haji dan seumpamanya.

Tindakan ulamak-ulamak Islam yang terdahulu terutama pengajaran mereka yang kurang mengaitkan kefahaman politik atau pemerintahan serta tidak menyatakan dengan jelas mengenai perundangan Islam sedikit sebanyak turut menyumbang kepada kekeliruan dan kejahilan yang melanda umat Islam. Sebagai natijahnya umat Islam kehilangan dua perkara utama: iaitu hilang daya untuk mengetahui kebenaran dan hilang keberanian untuk melaungkan kebenaran⁸.

Sesetengah penganut Islam yang begitu bersemangat untuk Islam telah menghabiskan waktu dari kerja mereka dengan membicarakan perkara-perkara kecil dalam agama tanpa membicarakan perkara pokok. Di kalangan umat Islam juga menjalani kehidupan dengan tidak mengikut suruhan-suruhan Allah. Kehidupan hari ini mengalami perubahan yang cepat. Keadaan perubahan yang berlaku tidak boleh dijadikan sebagai satu ikutan yang baik. Dalam hal ini Abu al-Maati Abu al-Futuh pernah memberi pandangannya tentang sistem kemasyarakatan yang wujud di dalam kehidupan orang-orang Islam. Katanya lagi bahawa sistem pemerintahan Islam sentiasa cuba mengambil bentuk agama. Pada pandangan beliau sistem pemerintahan Islam dalam masyarakat Islam sesudah zaman khalifah yang empat adalah mengambil agama tetapi ia tidak didasarkan kepada asas agama⁹.

Tambahan pula, umat Islam hari ini hidup dalam zaman yang mengalami perubahan yang cepat. Keadaan hidup telah berubah bersama sistemnya yang tidak dapat diterima sebagai satu contoh dan ikutan yang baik umat Islam termasuk dalam konteks perubahan di dalam negara mereka sendiri.

AGAMA DAN KERAJAAN DALAM KONTEKS REALITI MASA KINI

Kita mengakui dan perlu yakin bahawa tujuan manusia dilahirkan ke dunia adalah untuk memakmurkan alam ini. Dalam ertikata yang lain ialah menjalankan pemerintahan dan pentadbiran mengikut lunas-lunas ketuhanan. Oleh itu, terdapat dua perkara utama dalam konteks agama dan pemerintahan. Yang pertama ialah bila disebut sahaja agama maka ia mesti merujukan kepada wahyu ilahi. Perkara kedua ialah pelaksanaan kepada kehendak-kehendak agama ini adalah merupakan amalan manusia. Justeru, jika pelaksanaannya salah, kesalahan tersebut disebabkan kesilapan mereka dan bukan kesilapan agama. Adalah tidak tepat jikalau agama dipersalahkan atau kaedah agama tidak sesuai.

Berbalik kepada pemerintahan masa kini, satu kesilapan besar seperti yang didakwa oleh orientalis ialah mereka menyalahkan Islam menyebabkan negara mundur, miskin, penuh dengan penyelewengan dan sebagainya. Hakikatnya yang sebenar ialah kerana manusia tidak mengamalkan agamanya walaupun 100% mereka beragama Islam. Abu al-Maati Abu al-Futih seorang ulamak Islam telah menulis bahawa ada kecenderungan memisahkan agama dengan kerajaan di dalam pemikiran Islam masa kini. Bahkan beliau berani mengatakan pengaruh sarjana Islam sendiri seperti Ali al-Raziq yang jelas mendakwa bahawa khalifah tidak ada kaitan dengan agama. Begitu juga tugas-tugas pemerintahan yang lain tidak ada kaitan dengan agama tetapi ia semata-mata perancangan politik atau siasah¹⁰.

Tulisan Ali al-Raziq juga dikatakan mempengaruhi Kamal Attartuk yang mengistiharkan kerajaan sekular di Turki pada tahun 1924. Manakala, Ali al-Raziq pula dituduh terpengaruh dengan aliran pemikiran barat yang melahirkan pertentangan di antara gereja dan kerajaan dan seterusnya berkembang fahaman sekular¹¹. Kesan yang merebak ke negara-negara lain termasuk negara Islam ialah pemisahan di antara agama dengan kerajaan. Kekuasaan golongan agama pada masyarakat Eropah hanyalah dalam perkara-perkara rohani sedang seluruh aspek kehidupan yang lain dibiarkan kepada kerajaan. Orientalis mengambil kesempatan ini dengan menilai masalah umat Islam dan negara Islam dengan pengalaman negara barat. Dengan itu idea ini berkembang dan menjadi keyakinan baru bagi pemerintah negara-negara Islam.

Ternyata sekali bahawa sebelum tulisan Ali al-Raziq dan Kamal Atartuk tidak terdapat ulamak atau sarjana Islam yang lain membuat pemisahan di antara agama dengan kerajaan atau pemerintahan sehingga kaum 'Khawarij' yang bertentangan dengan Ahli Sunnah pun mengharuskan perlantikan imam tertinggi bagi mentadbir umat Islam. Mereka juga tidak mengatakan bahawa agama itu perlu dipisahkan dari pemerintahan¹².

Ditinjau kepada persoalan pemerintahan Islam di negara-negara Islam masa kini, umumnya bentuk yang ada adalah mirip kepada sistem yang memisahkan di antara agama dengan pemerintahan. Lebih tepat lagi kalau negara-negara tersebut disebut sebagai negara umat Islam kerana dari segi majoritinya sahaja negara itu mempunyai penduduk Islam. Bila dirujuk kepada sistem pemerintahan atau politik, ekonomi, sosial dan sebagainya adalah mengikut ideologi yang terpisah dari nilai-nilai agama. Contohnya beberapa negara Islam seperti Libya, Iraq dan Syria mengamalkan sistem pemerintahan berasaskan ideologi komunis atau sosialis. Manakala, negara-negara lain pula seperti Jordan, Kuwait dan Arab Saudi mengamalkan sistem kapitalis. Jadi kewujudan kerajaan-kerajaan ini walaupun nama kerajaan Islam, namun pemerintahannya seolah-olah terpisah dari agama.

PENUTUP

Berdasarkan dalil-dalil al-Quran, hadith dan ijmak ulamak membuktikan bahawa membangunkan agama dan mentadbirkan dunia adalah menjadi tanggungjawab umat Islam. Ibnu Khaldun menyatakan bahawa khalifah adalah bertujuan untuk membawa seluruh manusia mengikut kehendak syarak dalam masalahat dunia yang akan kembali kepada akhirat. Ini kerana hal-hal dunia semuanya di sisi Allah S.W.T. akan kembali kepadaNya jua mengikut perkiraan masalahat akhirat. Justeru, kata beliau lagi hakikat khilafah ialah menjalankan perintah Allah untuk mengawasi agama dan siasah dunia yang berhubung dengannya¹³.

Namun begitu, realiti umat Islam masa kini tidak menepati dan belum mencapai ke tahap hakikat seperti yang dijelaskan oleh Ibnu Khaldun. Faktor penghayatan agama yang lemah dan pengetahuan Islam yang kurang samada dikalangan umat Islam atau pemimpin di negara-negara Islam adalah antara penyumbang kepada masalah ini. Keadaan ini perlu bagi mengembalikan sistem pemerintahan Islam seperti yang pernah wujud dalam

sejarah kegemilangan Islam. Dengan itu, mudah-mudahan sebuah negara yang makmur dan diredhai Tuhan akan dapat direalisasikan.

RUJUKAN

1. Lihat al-Quran. Surah al-Maidah : 44
2. Lihat al-Quran. Surah al-Nisa : 60
3. Lihat Sahih Muslim dengan Syarah al-Nawawi, 13 : 240
4. Lihat Kitab Sahih Muslim, 4 : 508
5. Peristiwa ini dapat dilihat dalam kitab Fathu al-Bari Fi syarh Sahih al-Bukhari Jilid 12 hal. 13.
6. Lihat, Ibnu Hazim al-Zahiri, al-Faslu Fi al-Milali wa al Nihali, Jilid 4, hal. 87.
7. Lihat Muqadimah Ibnu Khaldun, Bahagian 2, hal. 688.
8. Lihat Arif Khalil Abu Eid, Nizamul al-Hukmi Fi al-Islam, Jordan, 1996, hal. 5.
9. Lihat, Abu al-Maati Abu al-Futuh, Islam Politik dan Pemerintahan, (Terjemahan Mohd. Akhir Yaakob) Hizbi, 1997, hal. 11.
10. Ibid, Abu al-Maati, ha. 19.
11. Ibid, Abu al-Maati, ha. 21.
12. Ibid, Abu al-Maati, ha. 23
13. Ibid, Abu al-Maati, ha. 23.